

05 SEP 1997

PEKELILING MENGENAI LAWATAN TANPA VISA UNTUK PENDUDUK HONG KONG TIDAK LAMA LAGI

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata hari ini pekeliling mengenai lawatan tanpa visa untuk pemegang pasport Wilayah Pentadbiran Khas (SAR) Hong Kong akan dikeluarkan tidak lama lagi.

"Kita akan menulis pekeliling itu dengan teliti kerana ia melibatkan pelbagai perkara," katanya kepada pemberita selepas upacara perasmian Perhimpunan Agung Umno oleh presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Katanya keputusan membenarkan pemegang pasport SAR memasuki negara ini tanpa visa diluluskan kerajaan.

"Ini bermakna penggunaan visa bagi pemegang pasport SAR ditarik balik. Butir-butir mengenai perkara itu akan dikeluarkan tidak lama lagi," katanya.

Semalam Ketua Eksekutif SAR Tung Chee-hwa berkata kerajaan Malaysia bersetuju untuk tidak mengenakan visa bagi pemegang pasport SAR.

Penduduk Hong Kong tidak dikenakan visa untuk melawat Malaysia ketika ditadbir oleh Britain, tetapi sejak tanah jajahan itu diserahkan semula kepada China mulai 1 Julai tahun ini, kerajaan Malaysia mengenakan visa terhadap mereka. -- BERNAMA

ARA AHH